



PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2014

**POLISI '*COST RECOVERY*'
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**PEJABAT BENDAHARI
13 FEBRUARI 2014**

Ruj. Kami: UTM.J.03/10.12/3 Jld. 3 (17)

Tarikh: 13/ 02/ 2014

Timbalan Naib Canselor (A & A)
Timbalan Naib Canselor (P & I)
Timbalan Naib Canselor (HEMA & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Dekan/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2014

POLISI 'COST RECOVERY' UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang pengemaskinian dan penguatkuasaan Polisi 'Cost Recovery' Universiti Teknologi Malaysia (UTM) setelah mendapat kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil 3/2013 yang telah diadakan pada 2 Disember 2013.

2.0 LATARBELAKANG

Sejajar dengan Pelan Tindakan UTM 2013-2020 yang digariskan dalam Buku Amanat Naib Canselor UTM ke 5 : Menyuburkan Kembali Jiwa Akademia menganggarkan keperluan pendapatan Universiti menjelang tahun 2020 adalah sebanyak RM2 Billion bagi menampung perbelanjaan Universiti secara keseluruhannya.

Keperluan penjanaaan pendapatan merupakan elemen utama dalam memastikan kelangsungan 'survival' universiti di masa hadapan. Justeru itu, bagi setiap

program/aktiviti, perancangan awal di peringkat permulaan termasuk implikasi kewangan perlu diambil kira sebelum menjalankan sesuatu program/aktiviti.

Terdapat program / aktiviti yang di jalankan di Universiti tanpa mengambilkira perancangan dan penjaan kewangan yang baik. Senario yang berlaku menyebabkan pihak universiti terpaksa mengeluarkan sumber dalaman bagi menampung perbelanjaan tersebut untuk menjaga nama dan reputasi universiti di mata umum. Pelaksanaan program /aktiviti seumpama ini jika tiada perancangan dan jangkaan pendapatan kepada universiti menyebabkan kekurangan sumber dalaman universiti pada masa hadapan.

Salah satu inisiatif bagi menjayakan hasrat penjaan pendapatan dan mengatasi isu tersebut adalah menerusi pengenalan Polisi Pulangan Kos kepada warga Universiti yang dapat dijadikan panduan bagi setiap program/aktiviti yang dilaksanakan bagi penjaan pendapatan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memberikan panduan kepada warga Universiti asas elemen kewangan yang perlu diambilkira dalam perancangan kewangan bagi sesuatu program / aktiviti yang bakal dijalankan.
- 3.2 Menggariskan elemen sumbangan kepada Universiti bagi program / aktiviti penjaan pendapatan.
- 3.3 Menyediakan satu kerangka (*Framework*) "*Cost Recovery – Provocative Approach*" kepada Universiti demi menjamin kelestarian kewangan Universiti di masa hadapan.

4.0 PERLAKSANAAN

- 4.1 Sebarang Program/Aktiviti yang dijalankan oleh warga Universiti/PTJ perlu mempunyai perancangan kewangan yang telus dan mengambilkira elemen overhead Universiti. Justeru itu, adalah disarankan penggunaan '*template*' yang menjadi panduan kepada warga Universiti seperti di **Lampiran I -Anggaran Pendapatan dan Kos Program / Aktiviti.**
- 4.2 Bagi Program / Aktiviti PTJ yang menjana pendapatan, Agihan Sumbangan daripada Tabung-Tabung Amanah yang berkaitan adalah berdasarkan beberapa aktiviti yang telah dikenalpasti dan Agihan Sumbangan adalah seperti di **Lampiran II - Agihan Sumbangan Program/Aktiviti Penjaan Pendapatan Universiti.**

5.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga pindaan dimaklumkan.

Sekian ,terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Yang benar,



SHARIFAH 'ALWIAH BT SYED ALWI
Bendahari
13 Februari 2014

- s.k
- 1) Y. Bhg. Pengarah Kampus, UTM KL
 - 2) Timbalan Bendahari Kanan, UTM KL
 - 3) Ketua Seksyen Kewangan, Pejabat Bendahari (Seksyen RMC)
 - 4) Ketua Zon Kewangan, Pejabat Bendahari (Zon B)
 - 5) Ketua Zon Kewangan, Pejabat Bendahari (Zon C)

Lampiran I - Anggaran Pendapatan dan Kos Program / Aktiviti.

Lampiran II - Agihan Sumbangan Program/Aktiviti Penjanaan Pendapatan Universiti.

Lampiran 1

CONTOH PERKIRAAN KOS BAGI PENGENDALIAN PROGRAM/AKTIVITI

'Cost Recovery' Bagi
Cadangan Program

PENDAPATAN PROGRAM/AKTIVITI

1. PENDAPATAN LANGSUNG

	RM	RM	RM	RM
a. Yuran Penyertaan				
- Peserta Dalam Negara	100,000.00			
- Peserta Luar Negara	50,000.00			
Jumlah Kecil		150,000.00		

b. Penajaan/Sponsor

- Agensi/Kerajaan	30,000.00			
- Swasta	40,000.00			
Jumlah Kecil		70,000.00		

2. PENDAPATAN LAIN

- Sewaan tapak karnival	10,000.00			
- Sewaan khemah	5,000.00			
Jumlah Kecil		15,000.00		

Jumlah Besar Pendapatan		235,000.00		
--------------------------------	--	-------------------	--	--

KOS PENGENDALIAN PROGRAM/AKTIVITI

3. KOS LANGSUNG

	RM			
a. Kos Awalan				
- Penyediaan Brochures & kertas kerja	2,000.00			
- Penyediaan Banners	2,000.00			
- Iklan & Seranta	6,500.00			
- Mesyuarat & Persiapan	1,000.00			
- Kontingensi / Pelbagai	2,000.00			
Jumlah kecil		13,500.00		

b. Kos Program/Aktiviti

- Bahan guna habis	2,000.00			
- Alatulis, beg, nota, sijil penyertaan & tag nama	5,000.00			
- Penyediaan makan & minum	30,000.00			
- Penginapan (jika ada)	45,000.00			
- Prosiding kertas kerja	2,000.00			
- Backdrops	5,000.00			
- Pelbagai - Urusan Pendaftaran	1,000.00			
- Kos lain	2,000.00			
- Kontingensi	5,000.00			
Jumlah kecil		97,000.00		

c. Tuntutan Makan /Perjalanan/Penginapan

Penceramah/Peserta/Urusetia				
- Makan	5,000.00			
- Perjalanan & Pengangkutan	12,000.00			
- Penginapan	5,000.00			
Jumlah kecil		22,000.00		

4. HONORARIUM / SAGUHATI / UPAH

a. Penceramah				
- Penyediaan Modul / Syarahan	16,000.00			
- Cenderamata	2,000.00			
Jumlah kecil		18,000.00		

JUMLAH BESAR KOS LANGSUNG		150,500.00		
----------------------------------	--	-------------------	--	--

Lampiran 1

CONTOH PERKIRAAN KOS BAGI PENGENDALIAN PROGRAM/AKTIVITI

'Cost Recovery' Bagi
Cadangan Program

5. OVERHEAD

- a. Penggunaan Kemudahan Universiti
 - Penggunaan kenderaan universiti
 - Penggunaan Peralatan fakulti / universiti
 - Penggunaan ruang/makmal/dewan seminar

5,000.00
3,000.00
2,000.00

10,000.00

Jumlah kecil

- b. Sumber Manusia
 Urusetia/Staf yg terlibat

- Urusetia (10 org x 28 jam x RM40.00)
 - Staf sokongan
 - Pelbagai

11,200.00
5,000.00

16,200.00

Jumlah kecil

- c. Kos Tidak Langsung Universiti/Fakulti/COE

- University's Branding
 - Utiliti : Elektrik, Air
 - Kemudahan IT
 - Kos pentadbiran

(Contoh:- Perkiraan Kos Tidak Langsung Universiti-Aktiviti Seminar)

3% x (235,000 : Pendapatan) Universiti

7,050.00

2% x (235,000 : Pendapatan) Fakulti/COE

4,700.00

11,750.00

- d. Yuran Perkhidmatan Professional

- Pengurusan acara (Event management)

5,000.00

JUMLAH BESAR OVERHEAD

42,950.00

JUMLAH KESELURUHAN KOS

(2+3+4+5)

193,450.00

Untung/(Rugi) Program /Aktiviti

41,550.00

Sumbangan Akhir

(75% drp lebihan keuntungan kpd Tbg Seminar Fakulti/COE)

31,162.50

(25% drp lebihan keuntungan kpd Universiti)

10,387.50

-

Takrifan:-

1 Pendapatan Langsung

Pendapatan langsung / sumber utama yang dijana hasil daripada program/aktiviti yang dijalankan

2 Pendapatan Lain

Pendapatan yang dijana berdasarkan hasil sampingan lanjutan daripada program/aktiviti yang dijalankan

3 Kos Langsung

Kos yang terlibat secara langsung dengan aktiviti/program utama yang dijalankan
 elemen kos akan berubah mengikut kapasiti program/aktiviti yang dianjurkan

4 Kos Overhead

Elemen Kos adalah tetap berdasarkan tanpa mengambilkira kapasiti program/aktiviti yang dijalankan

Lampiran II – Agihan Sumbangan Program/Aktiviti Penjana Pendapatan Universiti.

Program/Aktiviti	% Sumbangan	% Agihan
1.Seminar Universiti/Pusat Kecemerlangan	5% daripada pendapatan kasar (<i>Gross Income</i>).	<p>3% kepada Tabung Seminar/Kursus Universiti</p> <p>2% kepada Tabung Seminar Fakulti/TNCPI/RA/COE</p> <p>Sekiranya terdapat lebih keuntungan bagi seminar yang dijalankan, agihan sumbangan adalah seperti berikut:-</p> <p>75% kepada Tabung Seminar Fakulti/ (TNCPI/RA/COE 50:50)</p> <p>25% kepada Tabung Seminar/Kursus Universiti</p>
2. Kursus/Program Khas Akademik (Pesisir)	Jumlah sumbangan kepada Universiti dan Fakulti dibuat mengikut Kohort dan pemantauan adalah 100% daripada pihak SPS.	<p>30% kepada Tabung Seminar/Kursus Universiti</p> <p>30% kepada Tabung Kewangan SPS</p> <p>40% Tabung Kewangan Fakulti</p>
3. Kursus/Program Khas Akademik Kerjasama Fakulti/PTJ	10% daripada pendapatan kasar (<i>Gross Income</i>).	<p>40% kepada Tabung Seminar/Kursus Universiti</p> <p>60% kepada Tabung Kewangan PTJ</p>
4.Projek Perundingan (ICC/ Research Alliance / Pusat Kecemerlangan/PTJ)	Sumbangan 10% daripada pendapatan kasar (<i>Gross Income</i>).	<p>5% – Tabung Perundingan Pusat Kecemerlangan (Universiti)</p> <p>2.5% – Tabung Induk/Operasi COE</p> <p>2.5% – (TNCPI /PTJ)</p> <p>-: Bagi agihan TNCPI, keuntungan yang disalurkan ke Tabung adalah bagi tujuan menampung keperluan dan perbelanjaan operasi tahunan RA/COE yang difikirkan perlu.</p> <p>-: Bagi Pusat Kecemerlangan, keuntungan disalurkan ke Tabung Induk / Operasi bagi tujuan menampung keperluan dan perbelanjaan operasi tahunan.</p>

Lampiran II – Agihan Sumbangan Program/Aktiviti Penjanaan Pendapatan Universiti.

Program/Aktiviti	% Sumbangan	% Agihan
5. Testing, Ujikaji (Research Alliance / Pusat Kecemerlangan/PTJ)	Sumbangan 15% daripada pendapatan kasar (<i>Gross Income</i>).	10% kepada Tabung Testing/Ujikaji Universiti 5% kepada Tabung Fakulti/COE
6. Akaun Subsidiari yang menjana pendapatan	Sumbangan 60:40 daripada pendapatan kasar (<i>Gross Income</i>).	40% Universiti 60% Fakulti/PTJ
7. Reserve Tabung Kewangan/PTJ : 'Self Sustain'	Akaun Amanah Subsidiari selain daripada kategori di atas yang menjana pendapatan adalah dicadangkan supaya kaedah kawalan dan simpanan 'reserve' untuk tujuan kelangsungan dimasa hadapan/'Financial Sustainability'	60% daripada Pendapatan Tahunan : Disimpan dalam Tabung Penjanaan Kewangan PTJ 40% daripada Pendapatan Tahunan : Diberi kepada PTJ untuk menampung perbelanjaan Ketidacukupan Bajet Operasi.
	<p>Bagi setiap penjanaan hasil, ianya akan dimasukkan terus ke dalam Tabung Penjanaan Hasil PTJ. Ianya bertujuan untuk menyimpan hasil-hasil PTJ dan sebagai rizab bagi kegunaan masa hadapan untuk tujuan 'self sustain'. Universiti berhak untuk menggunakan sekiranya perlu bagi menampung keperluan operasi PTJ sekiranya Geran mengurus tidak mencukupi.</p> <p>PTJ akan diberikan 40% daripada pendapatan tahunan bagi menampung perbelanjaan menggunakan tabung yang berkaitan. Sekiranya, peruntukan yang diberikan tidak mencukupi, permohonan tambahan boleh dikemukakan PTJ kepada TNC dan tertakluk kepada baki dan kelulusan dana yang ada di dalam Tabung Penjanaan tersebut.</p> <p>PTJ dibenarkan untuk menggunakan maksima 10% daripada 40% pendapatan tahunan yang diberikan untuk tujuan sosial. Baki adalah untuk menampung keperluan operasi PTJ/Fakulti.</p>	